

**PANDUAN MENGISI BORANG 14A :  
PINDAHMILIK TANAH, BAHAGIAN ATAU PAJAKAN**

**SILA BACA DAN PATUHI ARAHAN INI:**

1. Borang 14A hendaklah diisi sama ada bertaip ataupun ditulis dengan menggunakan **pen dakwat hitam (pen basah)**. Pengisian menggunakan pen bermata bulat (*ballpen*)/pen dakwat kering **tidak dibenarkan**;
2. Sebarang kesilapan tidak boleh dipotong atau dipadam dengan menggunakan cecair pemadam (*liquid paper*);
3. Urusan penyaksian (tandatangan Borang 14A) hendaklah ditandatangani di hadapan :
  - 3.1 Pentadbir Tanah bagi Tanah Rezab Melayu (sijil kelahiran asal perlu dikemukakan sewaktu urusan penyaksian); dan
  - 3.2 Peguam untuk selain dari Tanah Rezab Melayu.

**PANDUAN PENYAKSIAN BORANG 14A :  
PINDAHMILIK TANAH, BAHAGIAN ATAU PAJAKAN**

**SILA KEMUKAKAN DOKUMEN BERIKUT SEWAKTU PENYAKSIAN :**

1. Surat hakmilik asal (geran tanah asal) atau Carian Rasmi (tempoh sah laku sebulan dari tarikh cetakan);
2. **Salinan surat kuasa wakil yang telah didaftarkan di Pejabat Tanah berkaitan sekiranya tuan tanah menggunakan wakil kuasa.**
3. Kad pengenalan asal pemberi dan penerima hakmilik bagi tujuan pengesahan biometrik Sistem E-Selamat
4. Surat kebenaran pindahmilik Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi rumah kos rendah
5. Surat kebenaran dari pihak berkepentingan (penggadai/ pengkaveat) sekiranya hakmilik terdapat gadaian / kaveat.
6. Surat Beranak (jika pindahmilik kasih sayang) – **1 salinan (jika kasih sayang antara bapa kepada anak / ibu kepada anak)**
7. Pendaftaran Borang 14A hendaklah dihantar tidak lewat dari tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Borang 14A ditandatangani. Denda lewat akan dikenakan mengikut nilai pasaran hartanah tersebut:

7.1	Kurang RM50,000.00	=	RM50.00
7.2	RM50,001.00 – RM200,000.00	=	RM200.00
7.3	RM200,001.00 – RM500,000.00	=	RM400.00
7.4	RM500,001.00 – RM1,000,000.00	=	RM500.00
7.5	Lebih RM1,000,000.00	=	RM1,500.00